

PENYUNTINGAN

PRAKTIS 1

Petikan di bawah mengandungi sembilan kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sembilan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Kesusasteraan Melayu semakin pelajar tidak minati. Oleh itu, pelajar akan lebih terkesan dan terhibur bila pendidik turut serta terlibat diri dalam aktiviti sastera. Para pendidik diminta untuk berkecimpung dalam dunia sastera dengan penuh minat, kesedaran dan rasa tanggung jawab. Oleh itu, asahlah ketajaman pengetahuan dan kebolehan di dalam bidang kesusasteraan. Sudah tiba masanya, pendidik haruslah memainkan peranan mendendangkan sajak, mementaskan teater, bernyanyikan lagu puisi dan menulis karya sendiri. Sekaligus, pendidik menjadi contoh dan tauladan dalam usaha menjadi pengamal sastera.

[9 markah]

KESALAHAN TATABAHASA	JAWAPAN
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	
8.	
9.	

PRAKTIS 2

Petikan di bawah mengandungi sembilan kesalahan bahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada sembilan kesalahan yang terdapat dalam petikan. Anda tidak perlu menyalin petikan tersebut.

Warisan seni budaya merupakan salah satu aspek penting yang dilambangkan identiti bangsa di sesebuah negara. Melalui warisan seni budaya, keunikan yang satu-satu bangsa miliki jelas terpancar dan dapat di kenal pasti dengan jelasnya. Setiap bangsa mempunyai warisan budaya yang bersifat unik dan unggul yang dapat menarik minat bangsa lain untuk menghayatikan dan mendalaminya. Walaubagaimanapun, warisan seni budaya bangsa lain tetap dapat diterima bersama dalam kalangan masyarakat majmuk di negara kita. Oleh itu, hubungan yang tersambung antara setiap bangsa dapat mempererat melalui warisan seni budaya.

Dipetik dan diubah suai daripada

*Pentingnya Pengekalan Warisan Seni Budaya',
oleh Loh Chun Chuan, Dewan Siswa, Januari 2015.
[9 markah]

KESALAHAN TATABAHASA	JAWAPAN
1.	
2.	
3.	
4.	
5.	
6.	
7.	

8.	
9.	